

Nelayan luar mesti patuh peraturan

KUALA LUMPUR, Rabu — Malaysia dan Thailand bersetuju mengadakan perbincangan lanjut berhubung isu nelayan Thai yang melalui perairan negara ini tanpa memberitahu pihak berkuasa Malaysia.

Tindakan nelayan itu menyebabkan pihak berkuasa negara ini terpaksa menahan dan mendawa mereka di mahkamah.

Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan bukan melarang nelayan terbabit melalui perairan Malaysia ke negara lain tetapi mereka perlu mematuhi undang-undang negara ini.

Timbalan Ketua Setiausaha Satu Kementerian Luar, Datuk Abdul Halim Ali, memberitahu sidang akhbar mengenai perkara itu, selepas Datuk Seri Dr Mahathir dan Perdana Menteri Thailand, Dr Anand Panyarachun, berbincang mengenai pelbagai perkara kira-kira dua jam di pejabatnya hari ini.

Dr Anand sedang mengadakan lawatan rasmi dua hari ke

Malaysia, yang pertama sejak dilantik sebagai Perdana Menteri.

Dalam pertemuan itu, Dr Anand meminta sedikit kelonggaran apabila pihak berkuasa negara ini mengendalikan masalah pencerobohan perairan oleh nelayan Thai.

Menurut Datuk Abdul Halim, Perdana Menteri menegaskan negara ini menggubal undang-undang bagi melindungi nelayan tempatan dan zon ekonominya.

Pada masa yang sama, Malaysia tidak pula berniat menyekat nelayan Thai yang mahu ke perairan lain seperti Indonesia dan Australia, melalui perairan negara ini, tetapi mereka perlu mengikut prosedur.

Menurut Datuk Abdul Halim, nelayan Thai hanya perlu memberitahu mengenai perjalanan mereka kepada pihak berkuasa, tetapi sebaliknya ramai yang melanggar peraturan itu, malah turut menangkap ikan di negara

ini.

Perbincangan itu juga menyentuh soal meningkatkan hubungan peringkat tinggi kedua-dua negara menerusi rundingan. Kedua-duanya bersetuju terus berbincang bagi memperbaiki hubungan dan menghapuskan masalah yang ada.

Mereka turut berunding meningkatkan kerjasama ekonomi termasuk meluaskan usahasama pengeluaran komponen kereta di antara Thailand dan Malaysia.

Perdana Menteri memuji kerjasama Thailand yang menggalakkan pelancong negara itu melawat Pulau Langkawi dan untuk itu, pegawai kedua-dua negara akan mengadakan perbincangan lanjut.

Mengenai perkara serantau, Datuk Halim berkata, kedua-dua Perdana Menteri berbincang mengenai arah Sidang Asean dan bersetuju pertemuan di Singapura memberi penekanan kepada soal ekonomi.